

# Guna ilmu Islam pikat hati rakyat

BAH 15 AUG 2002

PEMIMPIN perlu mempunyai pengetahuan mengenai Islam serta rapat dengan rakyat peringkat akar umbi untuk memenangi hati mereka, kata Pengerusi Majlis Syura Islam Selatan California, Dr Yahia Khairy Abdul-Rahman.

Beliau berkata, rakyat khususnya golongan bawahan melihat kelulusan dalam ilmu Islam, terutamanya dari Universiti Al-Azhar, sebagai sesuatu yang perlu dimiliki pemimpin dan mereka juga mahu pemimpin mengambil berat mengenai masalah mereka.

"Tanyalah diri sendiri bilakah anda ke masjid, menyaksikan pernikahan, menyambut kelahiran bayi dan menziarah jenazah di kampung...mereka mahu anda mengambil berat mengenai mereka," katanya pada sesi diskusi mengenai

perpaduan ummah di Majlis Diskusi Informal Mengenai Islam Bersama Peserta Luar Negara Dialog Mahathir di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Dialog tidak formal itu adalah antara atur cara Dialog Mahathir anjuran Institut Pengembangan Ilmu (InKa), Universiti Teknologi Mara (UiTM). Ia disertai 15 tokoh Islam dari Amerika Syarikat, Kanada dan Eropah.

Setiasaha Agung Kesatuan Pertubuhan Islam Perancis, Dr Fouad Alaoui, pula berkata negara Islam perlu benar-benar menjalin hubungan dan komunikasi sesama mereka serta memudahkan pergerakan rakyat masing-masing di antara negara Islam jika perpaduan ummah mahu dimantapkan.

Katanya, pada masa ini umat

di sesebuah negara Islam tidak begitu mengetahui perkembangan umat di negara Islam lain.

"Malah, pergerakan rakyat di antara negara Islam juga sukar kerana peraturan imigresen yang ketat," katanya.

Pengerusi Kongres Islam Kanada, Prof Dr Mohamed Ibrahim Elmasry, berkata perpecahan berlaku kerana umat Islam lupa tiga perkara utama iaitu ilmu, kasih dan bakti.

Katanya, setiap orang Islam perlu mempunyai ilmu dan mengasihi saudara Islam lain jika ia ingin berbakti kepada ummah.

"Anda tidak boleh berbakti kepada seseorang yang anda tidak kasih dan juga tidak boleh mengasihi seseorang yang anda tidak kenal," katanya.

Profesor Kajian Islam Dalam

Kajian Agama Universiti DePaul, Amerika Syarikat, Dr Aminah McCloud, pula berkata umat Islam perlu memahami cabaran yang bakal dihadapi dalam era globalisasi supaya mereka tidak terpinggir di peringkat antarabangsa.

"Umat Islam belum mengerti apa yang mereka bakal hadapi," katanya.

Sementara itu, Pengarah Komunikasi Kebangsaan Majlis Perhubungan Amerika-Islam (Cair), Ibrahim Hooper, berkata umat Islam perlu membekalkan antara perpaduan dengan tujuan dan perpaduan untuk kuasa.

"Kita tidak seharusnya melihat perpaduan sebagai sesuatu yang mutlak iaitu mereka yang tidak bersama kita adalah sebagai menentang kita," katanya.